

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
(KLANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang telah gagal bayar hutang pinjaman rumah untuk tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah pinjaman perumahan yang terjejas telah menunjukkan trend penurunan sejak tahun 2013, iaitu daripada 1.5% kepada 1.1%. Pinjaman perumahan yang dikeluarkan oleh sistem perbankan berkembang pada kadar tahunan sebanyak 8.8% setakat bulan September 2017 kepada RM507.8 bilion

berbanding RM466.8 bilion pada tahun 2016. Jumlah pinjaman perumahan yang terjejas pada akhir September 2017 adalah sebanyak RM5.7 bilion atau 1.1% daripada jumlah pinjaman perumahan terkumpul sistem perbankan pada akhir bulan September 2017. Ia melibatkan 41,996 akaun pinjaman perumahan seperti dalam jadual berikut :

	2013	2014	2015	2016	Sept 2017
Nisbah kepada pinjaman perumahan terkumpul	1.5%	1.3%	1.2%	1.1%	1.1%
Jumlah (Akaun)	56,135	53,163	47,157	44,324	41,996